

22/01/2001

Pak Lah harap hubungan KL, Manila terus baik

KUALA LUMPUR, Ahad - Malaysia menghormati pelantikan Gloria Macapagal Arroyo sebagai Presiden Filipina yang baru bagi menggantikan Joseph Estrada dan akan bekerjasama dengannya, kata Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Timbalan Perdana Menteri berkata, Malaysia akan menerima sesiapa sahaja yang dipilih rakyat Filipina sebagai presiden mereka sesuai dengan dasarnya yang tidak mencampuri urusan dalaman negara lain.

"Kita tidak akan campur tangan dengan hal ehwal dalaman Filipina dan sesiapa jua yang dipilih oleh mereka (rakyat Filipina), kita akan terima dan bekerjasama dengannya," katanya selepas menyertai pertandingan golf Persyarikatan Malaysia merebut Piala Perdana Menteri, di sini hari ini.

Semalam, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad melahirkan rasa gembira kerana isu Presiden Filipina yang membawa kepada demonstrasi besar-besaran di negara itu, dapat diselesaikan.

Arroyo, 53, mengangkat sumpah sebagai Presiden Filipina semalam menggantikan Estrada selepas Mahkamah Agung republik itu mengisytiharkan jawatan tertinggi itu kosong.

Estrada yang sedang disoal-siasat oleh senatnya mengenai pembabitian dalam aktiviti rasuah yang membawa kepada tunjuk perasaan oleh beribu-ribu rakyat Filipina dan kedudukannya menjadi lemah selepas tentera dan polis republik berkenaan menarik balik sokongan mereka terhadapnya sebelum Mahkamah Agung memerintahkan beliau mengosongkan jawatan.

Di KUALA KANGSAR, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz berkata, Arroyo, mempunyai latarbelakang dan pengalaman yang mampu memperbetulkan balik ekonominegara itu.

Beliau yakin dengan stabilnya kedudukan politik dan pentadbiran di republik itu, kerajaan baru Filipina akan memberi lebih tumpuan kepada isu-isu perdagangan dua hala dan juga memperkukuhkan ekonomi Asean, dalam konteks Kawasan Perdagangan Bebas Asean (Afta) dan program serantau.

Bercakap kepada pemberita di majlis rumah terbuka Aidilfitri untuk penduduk kawasan Parlimen Kuala Kangsar di Sekolah Menengah Clifford, beliau berkata kebelakangan ini hubungan antara Malaysia dan Filipina tidak banyak tertumpu kepada perdagangan dua hala kerana kerajaan Filipina mempunyai masalah dalaman.

(END)